

JURUCAKAP NAJIB
Chedet.cc
11 November 2016
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Amatlah menyedihkan kerana kemampuan jurucakap Kerajaan Najib amat terhad.
2. Apabila didedah bukti berkenaan rasuah, pencurian wang Kerajaan, dan salahguna kuasa oleh Najib, jawapan yang diperolehi dari anggota kabinet kleptokratiknya terhad kepada memberi gelaran kepada saya. Memanggil saya antique, puppet, gimmick dan bermacam lagi tidak dapat menutup kesalahan Najib dan pemerintahannya; tidak dapat menidakkan dakwaan yang Najib memiliki 2.6 billion Ringgit dalam akaun peribadinya; tidak dapat mempertikai dakwaan DOJ yang wang ini datang dari 1MDB, tidak dapat mengembali berbillion Ringgit yang dihilangkan oleh 1MDB yang dipimpin oleh Najib, mengadakan Kerajaan kuku besi yang ditakrif sebagai Kleptokrasi iaitu Kerajaan pencuri, penyangak dan perompak.
3. Panggillah saya dengan apa nama dan gelaran pun, kebenaran dakwaan oleh saya tidak terjawab.
4. Kata pepatah Melayu anjing menyalak, bukit tak akan runtuh. Saya terima baik gelaran yang diberi kepada saya kerana ia sebenarnya adalah pengakuan bahawa segala dakwaan oleh saya dan oleh lain-lain pihak memang benar dan tidak dapat dinafikan.

36 thoughts on "JURUCAKAP NAJIB"

1.  [Log in to Reply tamchi](#) Nov 21, 2016 6:08 PM

<http://mediashahalam.blogspot.my/2016/11/bersih-5-rugikan-rakyat.html?m=1>

Pak Aji Seri ayat
Bersih5 rugikan rakyat..??

Apa rugi? SiApa dapat?

..hurmmm...!

#dahPunAkuSebat

2.  [Log in to Reply sibotak](#) Nov 21, 2016 6:06 AM

Bersih 1,2,3,4,5 will not exist
BERSATU also will not be Formed

IF UMNO able to elect their new President
And the new Prime Minister of Malaysia
To replace Tun Najib

Perhaps it is Right for UMNO to appoint
DPM Hamidi as their new President thus
The new Prime Minister of Malaysia

As proven & seen Najib is a Thief , a Liar , an Arrogant Splender
A very Disrespectable Man
Najib is Dustbin
Najib is a Waste

IF only UMNO members realizes this
None of this would happen
We Malaysian as a Whole will not waste our Time & Money
We should all be Happily moving forward as 1 Malaysia
Government , Opposition, Raja Raju , & seluruh rakyat Malaysia

This should be a Wake Up call for UMNO , for DPM Zahid Hamidi
Just because of 1 Nyamuk We don't have to Burn the Whole Kelambu

3.  [Log in to Reply Buddies_Man](#) Nov 14, 2016 10:52 PM

Salam Tun,

We thank you for the great achievements you brought to our country.
We feel so greatfull to be in your era. We now realized that it would only be achieved once. A legend
can only come once in a lifetime.

My personal view that what is happening today maybe a test of Allah for you, MAYBE....

Maybe Allah not granting our effort and doa to save Malaysia from these robbers is because of our
past mistakes.

You did not support Anwar before maybe becoz of the morale issues. It may be right or it might be
wrong.

To see you now you have close ranks with him and his family. It feels so good. Which we salute. It
means that you are a true nationalist who can forgive and forget, for the sake of saving Malaysia.

We always pray for it. But yet our doa is still not granted.

How about Pak Lah? You did dislike him also.

He may be not fit to be a PM by your point of view. He maybe not full fill the vision, he may done
wrong in certain area, he may also give the opposition an extra breathing space. You also promote
Najib to replace him. TSMY be the catalyst in removing him.

Yes he may be giving projects to his cronies. And his son in law are the level 4 boss then. But as far as
we concerned he is not damaging the country to the length what Najib done now. During Pak Lah, the
mistakes or greed of their cronies is tolerable, it is within the country capabilities. He never have
intention to sell and make the country bankrupt.

He was not given a time to cherish his achievements. He have lost his wife during his in power. Yet he have punished by TSMY, You and Najib.

If you see him now. He is still a humble and a low profile old man. He also a nationalist in his own way, because of keeping calm and quiet today.

Remember it maybe because of this move that the change our history now. It also maybe the reason that our doa remains a Doa.

It times for you & TSMY to think that this could be the contributing factor of the dilemma Malaysia is facing now.

As we believe the Hablu Minan Nas is very much important factor that our pray is not yet granted.

It MAYBE the mistake.

You are THE MOST GREAT LEADER OF MALAYSIA. But human do make mistakes.

They may still time to close ranks with Pak Lah too.

Minta maaf Tun. It just my point of view.

Salam & Doa.

4.  [Log in to Reply faridina](#) [Nov 14, 2016 2:33 AM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

PPBM dengan dipayungi ayahanda Tun benar2 mendapat sambutan hangat walaupun di luar kawasan kampung kami di BJ semalam.

Kehadiran adalah dari seluruh pelosok Selangor dan mungkin Tun tidak perasan terdapat ramai juga kaum Cina dan India turut sama mendengar amanat Tun (we were able to ask them personally and they said that they wanted to hear from the horse's mouth).

Banyak pengajaran yang boleh ditimba dari forum ini yang menunjukkan 'world class standard' Tun M tenang dan compose serta sentiasa memberikan jawapan yang blunt dan bersahaja.

Sebelum majlis tamat berdetik hati ini untuk mencadangkan di lain masa hanya adakan ceramah berbentuk rally seperti kebiasaannya namun semasa menutup forum terkejut apabila ayahanda Tun berterus terang menyatakan lebih gemar format forum dari berbentuk rally.

Inilah yang membezakan Tun M dan DSN : seorang berani kerana benar dan seorang lagi takut kerana salah.

Tun M dengan penuh keterbukaan bersedia menerima pelbagai soalan untuk dijawab (2 ways traffic) sebab berada di pihak yang benar manakala DSN hanya akan buat rally (one way traffic) disebabkan dia telah tutup semua saluran dan tahu dirinya bersalah.

Kami sebagai orang2 kecil dalam PPBM yang blended together with the silent majority dapat merasakan bahawa perancangan Tun melalui PPBM akan berjaya memenangi hati rakyat dalam menumbangkan rejim bernajis.

Talk less listen more you will learn.

Actions speak louder than words.

Lastly ilham sendiri;

Actions speak louder when all channels have been closed so marilah kita ramai2 join BERSIH 5.

Wasalam Tun.

p/s – Satu ballroom berderai dengan gelak ketawa apabila ayahanda Tun membuat aksi meniru tarian gelek DSN.

p/s – Kami juga menitiskan airmata apabila seorang OKU mempertahankan dan menjawab soalan bagi pihak Tun.



5. [Log in to Reply](#) **umranrc** Nov 14, 2016 12:38 AM

Salam Tun,

Yes, it was a good forum. As usual you delivered a good speech and there were times I couldn't help myself laughing away.

Tan Sri Muhyiddin did stressed out that PPBM is not 'serpihan UMNO', yup, I hope so as well. Dato' Husam speech was also very good.

What catches everyone attention was, one of the attendee who happens to be an OKU, delivered his thoughts. It was a good sense of balance in his delivering.

Thanks Tun.



6. [Log in to Reply](#) **rodin** Nov 13, 2016 9:13 PM

Lantaklah apa orang biasa atau sultan nak gelar Tun dengan gelaran buruk. Yang pasti ramai yang bersama Tun. Semakin hari semakin benci serta meluat kepada manusia yang tertutup minda enggan mencari kebenaran.



7. [Log in to Reply](#) **Sharudin Jamal** Nov 13, 2016 2:12 PM

Dear Tun,

I did not expect for you to publish this. This is for your consumption. I had come to term with you. I was your biggest fan. Not until you became a tyrant in dealing with some of us freedom fighters

during the turmoil we had when Anuar was unjustly trialed. But now that you too is fighting for our freedom from the tyrant Najib, I here share with you the visions I had as a clairvoyant.

<http://sharudinjamal.blogspot.my/2016/11/bipolar-art-circa-2006.html>

May we as stated in the Quran, be friends who meet and depart because of Allah.

Sincerely,

Sharudin ibn Jamal ibn Moslem Al-Farisi

Ic: 640904-11-5077

Your brother in arms



8. [Log in to Reply sibotak](#) Nov 13, 2016 7:11 AM

Gagalnya Najib membuktikan wang yg di masukan ke account beliau
Sudah cukup membuktikan Najib memang mencuri wang Malaysia dari saluran 1MDB
Dengan Beniat dan diRancang oleh Jho Low , Riza dan dengan pengetahuan Rosmah
Laki hari lari bawa belanja wang takan sang isteri tidak tahu asal usul wang tersebut
Gagal nya anggota UMNO mempertikaikan Kenyataan ini di sidang UMNO
Sudah cukup membuktikan Kerajaan UMNO sudah Gagal

Maka pertubuhan untuk anak Bumi seperti PRIBUMI perlu di banggunkan
Bahkan PRIBUMI perlu di gabungkan dengan PKR , PAS juga anggota UMNO
Jangan terusik gabungan ini untuk Tun Mahathir
Tun hanya the main character , kita semua supporting actor
Mesti berniat untuk Ukwah kita bersama
Yg berniat untuk Mahathir atau Sesiapa saja akan Meracunkan
Perjuangan , Matlamat kita sebagai satu Ummah

*** Mengapa ketiga parti ini perlu berpecah belah jika
Tujuan , Niat , Nawaitu nya sama ? *** Tolong huraikan pada saya Pak Uztad ?

Oh ! Masalah kepentingan peribadi Pemimpin rupannya .
Jika Niat , Nawaitu , Tujuan nya sama
Mengapa tidak Pemimpin berkenaan berniat Ikhlas ?
Niat Ikhlas lebih mudah dan kunci segala mangga

Tidak perlu kita berpuak puak seperti Shiah , Sunni atau yg lain
Tidak ada dalam ALQuran di ajar berpuak puak
Malah di sunnatkan BerMakmun , Berkiblat pada yg Satu
BerSaf rapat rapat , bersujud menghadap Illahi
Termasuk Pak Iman pun kena Sujud ,jangan macam tera

Seharusnya Malaysia Bertauladan
Seperti junjungan kita BerlMam , para sahabat
Khalifa Islam bermakmun belakang Rasul .

Alangkah Indah jika di izinkan
Tun Mahathir Berimam atau sesiapa pun
Tun Anwar , Muhideen , Mukhliz , Pemimpin PAS ,Pemimpin UMNO
Juga anaggota parti politik yg lain juga bermakmum untuk tujuan yg sama
Hanya dengan Keikhlasan sahaja

Ada perpatah Cina yg berbunyi
Mana lebih bagus ?
Tidur bersama Mimpi Berlainan ?
Atau
Mimpi Bersama Tidur Berlainan ?

Ternyata Mimpi Bersama Tidur Berlainan sudah menjayakan kaum Cina
Kaum Melayu juga Umat Islam sekarang
Masih Tidur bersama Mimpi berlainan

Begitu juga , Bagus bila kita lihat anak orang kat luar
Kita terin.....gat anak kita di rumah
Tapi jangan pula lihat isteri orang kat luar
Kita lupa yg di rumah

Punca sebenar Umat Islam ramai yg Bercerai dan Berderai sekarang
Adalah Kerana Gagal menyeru Surah

" Hold Fast The Rope Of Allah
Be Not Divided among Ummah "

Yahudi , Amerika hanyalah Sebab muSebab nya

9.  [Log in to Reply faridina](#) [Nov 13, 2016 2:35 AM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Platform parti politik adalah medium terbaik dalam sesebuah negara demokrasi untuk mengubah sesuatu kerajaan melalui PRU.

Istilah parti nyamuk atau parti serpihan adalah hanya satu gelaran penyedap hati bagi mereka yang rasa terancam.

Ketokohan ayahanda Tun bakal memberi impak yang besar dalam kelangsungan PPBM dan segala rintangan akan ditempuhi bersama kami orang2 kecil dalam parti.

Wahai warga Shah Alam hadirlah beramai2 ke Forum Khas Bersatu Meneroka Masa Depan di Space U8, Bukit Jelutong Timur, Shah Alam jam 8.30 malam hari ini Ahad 13 Nov 2016.

Moderator — Datuk Kadir Jasin

Panelis – Tun M, TSMY dan Datuk Husam Musa.

Hidup Tun! Hidup PPBM!

Wasalam Tun.

p/s – Buat Odikarl Dek-Dak terimalah tarian gelek penuh penghayatan Pee M kesayanganmu terus terang ku katakan tak pernah lihat Memanda yang cukup gedik happy sakan dalam sejarah Malaysia dalam bahaya, rakyat sedang menderita. Presiden Filipina begitu bersahaja kepala fikir tentang rakyatnya dan apa tanda isyaratnya bila tangannya sentiasa dipoket seluar?

Terimalah Odikarl tarian tuanmu dengan lagunya "Dunia ini ana yang punya"

<https://youtu.be/UITqh9rlezA>



10. [Log in to Reply rimba.emas](#) Nov 12, 2016 5:38 PM

Salam Tun.

1. Tun , Rimba Emas baru kehilangan bapa mertua di CheroK Tok Kun. Sehari semalam bermula malam Khamis sehingga Jumaat tidak melelap mata lupa soal ruangan chedet sehinggalah kembali ke Pongsu Seribu sedikit rehat untuk ruangan Tun.

2. Benar apa yang Tun katakan , jawatan mereka Menteri tetapi lebih banyak mempertahankan apa kata-kata ketua mereka PM.

3. Seperti bidalan ' katak dalam tempurung ' , Menteri umpama katak ,kerajaan adalah seluas tempurung. Mereka tidak bebaskan fikiran keluar dari tempurung.

4. Kerja menteri telah di hadkan hanya kawasan dalam tempurung , sebab itu bicara mereka tidak mungkin seperti rakyat lain yang meluas sehingga rakyat di luar negara.

5. Sebab itu kerja jahat di luar Malaysian hanya di ketahui oleh rakyat yang 'on-line' dengan dunia luar.

6. Suara dari Rimba Emas dan yang membangkang selalunya tidak akan di terima pakai.

7. Contoh apa yang akan Rimba Emas hendak ceritakan serba sedikit bakal PM Amerika Syarikat Donald Trump. (Media arus perdana memberi tempat kepada pakar-pakar sahaja tetapi tidak Tun yang memberi ruangan ini kepada rakyat bawahan).

8. Kebaikan Trump ialah TPPA . Rimba Emas juga tidak setuju dengan TPPA. Ramai kata Trump anti Islam. Sebenarnya ramai anti Islam kerana tersimpan dalam hati masing-masing.

9. Beliau jelas seorang yang berterus TERANG tentang anti Islam. Adakah beliau akan melaksana secara TERANGAN ?

10. PM sebelumnya banyak RAHSIA termasuklah PM Malaysia kita sekarang.

11. Akibatnya banyak negara Islam di serang seperti Palestin , Afghanistan , Iraq iaitu dasar luar di campuri juga di Malaysia hutang dan wang hilang secara rahsia .

12. KESIMPULAN SEORANG YANG BERTERUS TERANG TENTANG KEJAHATAN LEBIH SENANG DI SIAP SIAGA DARIPADA YANG MERAHSIAKAN KEJAHATANNYA.

13. Malah kita akan tahu salah seorang bekas Pengerusi Goldman Sachs Steve Mnuchin (membuat untung melalui gandaan bunga pada 1MDB) pasti berada dalam kabinet Trump.

14. Maaf Rimba Emas tidak setuju kalau wang yang ingin di kembalikan kepada Malaysia (wang haram di Amerika) dihalalkan pada bantuan pendidikan dan sebagainya.

15. Kita sepatutnya gunakan wang itu pada hutang yang di tanggung oleh 1MDB dengan MENGURANGKAN CUKAI KEMBALI PADA ASAL DAN MENAIKKAN KEMBALI SUBSIDI SERTA MENURUNKAN HARGA BARANGAN KEPADA YANG MAMPU OLEH RAKYAT BAWAHAN.SELALUNYA ORANG YANG GAJI RENDAH TAHU KADAR HARGA YANG MAMPU DI BELI .

16. Kalau kata berkhidmat pada rakyat sila ikut harga yang di mahukan rakyat kerana anda di bayar gaji atau elaun untuk membuat kerja khidmat ini.

17. Rakyat bawahan tahu tuhan telah memberi nikmat secara percuma kepada makhluk ciptaannya hanya manusia telah mengenakan harga atas nama menambah baik atas bahan yang dicipta kerana ingin melebihi antara satu sama lain sehingga berlakunya berbezaan darjat.

Wallahua'lam.

11.  [Log in to Reply](#) **karlNusajaya** [Nov 12, 2016 4:54 PM](#)

Nak label? Label laa...

Most important..apa contribution anda to rakyat dan negara? Being it chedet, najib, karl or sultan.

12.  [Log in to Reply](#) **HouseWife** [Nov 12, 2016 3:11 PM](#)

Assalamualaikum Tun,

Tun, tak usah sedih apa jurusedapmulut ini kata, simpan sedih Tun tu kepada yang ditindas, diragut kebebasan bersuara, berfikir dan berekpresi. I stop myself from calling them "wo/men with cuckoo heads" who loves to 'chit!chit!chit! because they seem to come from prestigious schools of learning who just got lucky to be elected or selected. So they should talk eloquently with respect to Tun who has given them and before them great opportunities to come to this level.

That's their job Tun, to patah your hati, smearing you with stupid statements and wicked comments. At this golden age of course who doesn't become sensitive but you're just too strong and clever to fall into their traps, Tun. If they dare you again, walk straight up to them, look into their eyes and watch them real hard and you could see them shivering out of fear and respect. But alas, they always talk behind your back, behave like hungry wolfs only in front of their own bunch of little goebbels and jurusedapmulut. They without any jawatan@kuasa are just little chicks.

Tun, we cannot give MO1@DSN more time to screw up this beloved country. We must act fast to denajibutization. This is not an over-zealous illusion, this is real, this is the people's right to free

Malaysia from corrupted administration and misuse of power. But Tun needs to define clearly the direction that the relationship between BERSATU and other friendly parties should take. With your wisdom and leadership you can show them the way to gain success without rowdy confrontation.

Tun, nak tanya ni kalau little goebbels dan jurusedapmulut MO1@DSN kata semuanya fitnah, Tun hanya nak naikkan anak Tun jadi PM, apasal 6 negara asing dah mula siasatan jenayah ke atas money laundering yang berkait dengan 1MDB? Dia kata dia tak buat salah, dia tak tahu apa2, dia main sign je tapi 1MDB 'anak' dia kan, takkan dia tak peduli tak ambil tahu atau tak tahu langsung. Mestilah bapa pimpin dan jaga anak baik2 kan, Tun. Jika anak buat salah, tegur dan betulkan dia. Jika dia degil juga hukumkan dia.

Tun, Swiss AG minta bantuan Malaysia Ag dalam siasatan jenayah 1MDB tapi pihak sini menolak permintaan Swiss for legal assistance. Konon ag sini kata polis masih siasat perkara2 berkait dengan 1MDB, lamanya siasat tak sudah lagi ka. So Swiss Ag kata takpe mereka akan teruskan juga criminal proceedings 1MDB, mereka boleh minta bantuan daripada pihak jurisdiction luar seperti Singapore, USA and Eropah. 1MDB adalah perkara utama dalam siasatan money laundering di 6 buah negara. MO1@DSN kata akan cooperate dengan international investigation tapi macam nak lari je sebab tolak permintaan Swiss Ag. Dia kata nak bawa yang bersalah ke muka pengadilan, bila tu. Tun, criminal proceeding ni dah start di luar negara. Kalau di sini nak di sana Swiss Ag drop the case, apa lagi nak gadai? Takut difikirkan.

Saya masih berpegang bahawa yang salah tak boleh dibiar terlepas tanpa bicara. Kalau tiada tindakan diambil maka sedap lagilah mereka korek tabung kerajaan(rakyat) sehingga negara bankrup nanti, yang merana nak kambus hutang siapa lagi...rakyat juga jadi mangsa. Hutang semakin bertambah bukan berkurang. Tak tahulah kalau mereka masih kata Tun bersengkokol dengan SR, WSJ, DOJ, ini tohmahan, rekaan nak sabotaj kewangan negara, rampasan kuasa. So negara2 asing buat siasatan dan criminal proceeding keatas 1MDB yang telah mencerooboh integrity financial system mereka itu satu pembohongan ka?

Ringgit semakin menjunam. Kalau negara ini kukuh bagai dikata, tiada sebarang anasir2 luar dapat jahanamkan negara kerana nagara ini economically, politically and socially stable and our defense system is top class. Mereka pandai paint negara ini nampak warna-warni seolah2 bagus, elok, nyaman, cantik luar dalam tapi sebenarnya hanyalah mirage, sebab apa...sebab duit yang patut disalur kepada kesejahteraan rakyat dan kestabilan negara telah senyap2 diberi makan kat benda2 lain yang tak sepatutnya. Rakyat tak nampak sebab inilah kerja2 licik little goebbels dan jurusedapmulut, alih perhatian rakyat kepada isu2 lain supaya rakyat lalai dan tidak beri tumpuan sepenuh kepada penyelewengan dan salahlaku MO1@DSN dalam mentadbir tabung2 negara, isu duit 'derma' pak arab RM2.6billion masuk dalam akaun peribadi, isu kehilangan RM42billion, isu menyorok wang off-shore (lari daripada bayar cukai), menyalahguna kuasa, buang pegawai2 siasatan, salahguna wang negara untuk belanja mewah dalam luar negara, etc etc.

Semua ini kena sebar dan sentiasa bermain di mulut dan fikiran rakyat kerana inilah perbuatan2 yang sepatut tidak dilakukan oleh pemimpin negara yang dipilih dan diharapkan. Ini berkait rapat dengan sikap dan tingkahlaku seorang pemimpin. Semua negara mahu dipimpin oleh mereka yang bersikap jujur dan utamakan kesejahteraan rakyat lebih dari diri sendiri. Zaman sekarang memang payah nak cari pemimpin seperti ini, kan Tun. Mungkin Tun ada pengganti seperti Tun, yang pentingkan nation building daripada kocek building.

Kalau MO1@DSN kata 'all is fine' kenapa banyak berlaku tipu-menipu dalam perniagaan, jenayah2 berat, korupsi, kenaikan harga2 barang keperluan, freeze job intake dalam institusi2 kerajaan, sakit mental, pencerobohan2 tanah dan sempadan, bangsa sendiri masih menadah tangan dll. Jika kerajaan perihatin dan berlaku adil, rakyat redha apabila ditimpa musibah tetapi oleh kerana berlaku ketidakadilan rakyat biasa dan bawahan rasa terpinggir, diletak ke tepi, hanyalah dipedulikan bila sampai waktu hari besar PRU, masa itulah mereka ini diberi perhatian yang melampau dan diarak makan besar, lepas tamat pesta pru dipinggirkan kembali. Sebab inilah rakyat tak boleh biarkan orang2 yang begini mentadbir negara ini lagi. Negara ini perlu bertukar daripada yang tak elok kepada yang lebih elok.

Cakap dan beri komen dan cadangan memang senang kan Tun, nak melaksanakannya tak mudah bagai dibicara. Tun tak boleh kerja bersendirian. Tun perlu pasukan yang tak mementing diri sendiri, tak hirau tohmahan, tak mudah luntur dengan cemohan dan kata2 nista oleh jurusedapmulut. Suara rakyat adalah kuasa rakyat. Banyak kerajaan runtuh sebab pandang rendah atau terlupa bahawa yang beri mereka duduk atas adalah sebab kuasa rakyat. Jangan sombong dan angkuh, kuasa datang kuasa pergi.

Semoga Tun Dan BERSATU dan sahabat2 dipermudahkan jalan kearah kebaikan untuk bangsa, negara dan agama. Semoga Allah Berkati usaha Tun dan Lindungi Tun sekeluarga dimana jua berada. Jaga kesihatan Tun baik2. Mohon pertolongan daripada Allah. Terima kasih Tun.



13. [Log in to Reply Buddies_Man](#) Nov 12, 2016 12:30 PM

When the tension ROSE,

Get LOW and HEEBIE JEEBIES

Di Caprio say "Catch Me If You Can"

We say "CHECKMATE you, Chedet Can"

Dictionary:

1. Rise, ROSE, Risen

Move upward

not that stone face BBW women

2. HEEBIE JEEBIES

A state of nervous fear or anxiety.

3. CHECKMATE

Chess

A check from which a king cannot escape.

4. LOW

Absolutely you will know 'The Pendek Kerbau'

14.  [Log in to Reply faridina](#) Nov 12, 2016 12:02 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Sketsa perjuangan PPBM penuh berliku walau masih bertatih namun biar hujan batu memanda menimpa mara terus mara (bukan Mara pengerusi bakal beca antik).

Entah betul entah tidak gara2 hebahan orang2 kecil dari BJ dalam blog ini tup tup dikhabarkan venue Dewan BJ Jalan Andang tidak bisa digunakan esok kemungkinan beralih venue ke Space U8 sepelaung je dari BJ dan ini merupakan tempat Lebai Husni berceramah tatacara pengurusan kewangan bukan 1MDB baru2 ini.

Walaubagaimanapun makluman mutakhir akan dikemaskini beberapa jam sebelum berlangsungnya forum esok dalam blog rakyat prihatin ini.

Syiok baca SR hari ini perihal perbicaraan orang2 kecil dalam skandal terbesar dunia di Singapura melbatkan BSI SRC 1MDB dan banyak lagi Sykt Pesisir Pantai Al Jolo didedahkan.

Taikun Al Jho Low kini sedang dikehendaki pihak berwajib Singapura dan kini dikenali sebagai Person of Interest (POI). Lama2 POI akan kaitkan MO1 jua.

Kes perbicaraan Singapura ada mengesahkan fakta DOJ dan permohonan pihak AG Swiss untuk kerjasama AG gelek Malaysia ditolak lagi tapi tak mengapa bak kata depa 3 negara sudah dapat naikkan batu bata menjadi dinding dalam membina sebuah rumah agam abad ini.

Dalam pada itu dalam perbicaraan itu bangga juga bila ada disebut nama budak Melayu Nik Faisal Ariff Kamal kerana yang lain berbangsa lain tapi kita di sini sayu hati tidak berkesempatan mengenali tokoh ini dan ada sesiapa nampak Nik Faisal? Kot2 sedang mendalami ilmu agama dipondok2 sini atau seberang?

Wasalam Tun.

15.  [Log in to Reply Sharudin Jamal](#) Nov 12, 2016 9:44 AM

Dear Tun,

We met in front of your house in Cyberjaya once. Black Ford Everest BHV 911. This is my contribution to the malaise, I don't do political polemics as you suggested in your book, the Malay Dilemma. Hence I present to you my intellectual property <http://sharudinjamal.blogspot.my/2016/11/buyers-beware.html>

You came to my school when you were the Education Minister and I am one of the thousands been sent to study abroad when you immediately became the prime minister.

Hope my contribution is helpful.

Sincerely,
Sharudin Jamal
Sekolah Alam Shah, KL 1977-1981



16. [Log in to Reply faridina](#) Nov 12, 2016 7:51 AM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Semalam Tn Hj Najib gumbira sekali nampaknya menunjukkan bakat nyanyian karaokenya sambil berjoget pop yeh yeh mesti comel kalau penari latar dia kak mah miaw2 kan.

Nak tahu pasai apa dia happy sangat..

1. Sebab NDFs ringgit menjunam kepada 4.5280 dan spot ringgit 4.267 berbanding dollar AS. Jurang perbezaan kedua2nya ialah 0.2610 adalah paling lebar sekurang2nya sejak April 2008 (ehm.. ehmm.. sebulan selepas PRU 12).

2. Ini bermakna tiadalah keperluan nak tambat ringgit macam Tun M buat dulu (tak syioklah tiru cara Tun M) walaupun Bank Negara dah mula campur tangan – kasi gelek itu punggung Tn Hj Memanda.

3. Hei pengikut2 Tun M you all tak boleh buat apa2 walaupun dah ada orang Singapore nama Yak Yew Chee bekas Pengarah Urusan Bank Swiss cawangan Spore mengaku salah melakukan penipuan atas pengubahan wang haram dari 1MDB dan menjadi mangsa pertama di PENJARA kan setahun setengah jer ya gelek Tn Hj tak lama manapun ingat 10 tahun setengah tak gitu Tn Hj Najib.

Yang Presiden Filipina tu nyanyi karaoke dengan Tn Hj Najib dan mascot takde ke mengimbaukan sesiapa dari tanahair bukan Jose Rizal tapi Ferdinand dan Imelda Marcos? Tapi tang mascot beza sikit hak sini kemetot sikit.

Wasalam Tun.



17. [Log in to Reply asahamat](#) Nov 11, 2016 11:32 PM

Kini BN adalah di pihak lawan kita. Kelompok kita harus dinamakan BERSATU. BN hendak kita tumbangkan. Isunya, Melayu di luar bandar masih kuat bersama BN ie UMNO biarpun mereka tidak suka kpd Najib MO1. Untuk tumbangkan BN, rakyat mesti punya keyakinan tinggi kpd BERSATU sebagai gantian BN. BERSATU mesti ditonjolkan sebagai gantian BN!

(2) Saya usulkan BERSATU sebagai gelaran kelompok kita adalah dari gagasan Bersatu, PKR, Amanah, Warisan, PAS (In Shaa Allah) dan DAP. Kita BERSATU utk beramanah, adil dan berdaulat. Kita hanya boleh kalahkan BN jika kita dapat berikan harapan yg jelas kpd rakyat. Maka apakah harapan yg BERSATU boleh berikan kpd rakyat dan Negara?

(3) Pertama2 di peringkat Nasional, kita mesti kembali membentuk Negara dan rakyat yg bersatu padu dan berdaulat. BERSATU mesti mengungguli perjuangan mengembalikan perpaduan dan

kedaulatan rakyat dan Negara. Kita sekarang sedang berpecah belah hebat. Kedaulatan rakyat dan Negara juga sedang diceroboh. Utk itu Msia harus kembali ke pentadbiran federalism beramanah dan adil. Federalism akan memberikan layanan hak secara saksama bagi Malayan states, Sabah dan Sarawak. Wilayah2 dan negeri2 yg masih mundur mendapat hak2 mereka. Hak2 wilayah dan negeri mesti dipulih, pelihara dan suburkan. Tiada lagi pemencilan dan penindasan di peringkat wilayah dan negeri2. Kesepakatan dlm BERSATU adalah gambaran awal ke arah ini.

(4) Juga perkara di atas boleh dijayakan lantaran kaum Cina dan India yg selama ini berpecah dan bersifat chauvinist kerana adanya MCA, Gerakan, DAP, MIC, SUPP, LDP dll kini kebanyakannya telah bersatu di bawah DAP. Kesatuan ini akan meminggirkan perjuangan chauvinist yg hanya berupa perjuangan politik jangka pendek. Kaum Cina dan India di bawah DAP telah mula beralih dari bersikap chauvinist dan kian menjadi rakyat Msia yg sudah punya kededaran tinggi utk hidup bernegara. Semua kaum di Negara ini sudah punya kesedaran ke arah hidup bernegara dan bukan lagi berpuak2.

(5) Dgn terbentuknya BERSATU dan DAP bergabung dlm BERSATU, rakyat Msia sedang mengorak langkah berani ke arah berpolitik secara matang yg mulai melihat kepentingan Negara melintasi sempadan kaum dan agama. Alhamdulillah Tun sempat mempelopori perjuangan ini dan inilah Landmark perjuangan Tun yg sebenar. Tun terus berwibawa biar dlm getir perjuangan yg hebat. Allah melanjutkam usia Tun, sebagai pemangkin kepada perubahan rakyat Msia utk berpolitik matang.

(6) Sesungguhnya kemenangan mengejut Donald Trump sebagai Presiden US adalah contoh jelas dari kematangan berpolitik khususnya rakyat Anglo dan Yahudi yg menjadi tonggak elonomi US. Mereka boleh menganalisa dari perubahan2 semasa di seluruh dunia, dan boleh mengenali keadaan2 yg boleh meletakkan US pd kedudukan disadvantage, maka mereka kemudian membuat keputusan pantas merobah keadaan selesa pembawaan Hilary Clinton. Kematangan berpolitik masyarakat Anglo dan Yahudi membolehkan mereka utk berani merobah dari sifat konsevatif Demokrat kepada sikap radikal Republikan. Biar Demokrat adalah menerajui kerajaan semasa US, namun itu tidak mempengaruhi cara Anglo dan Yahudi berfikir dan bertindak. Thrump menang mengejut atas pertimbangan kematangan berpolitik Anglo dan Yahudi.

(7) BERSATU wujud demi merobah politik ikut-ikutan dan takut menakutkan yg sekian lama ditanamkan oleh UMNO di kalangan rakyat Melayu khususnya menjadikan mereka boleh dan berani untuk berpolitik secara penganalisaan dan berfikiran berani dan berbeza.

(8) Dengan perkembangan ini, saya yakin BERSATU boleh memberikan harapan kedua dan paling penting utk rakyat dan Negara ini iaitu pengembalian semangat bersatu padu. Semangat bersatu padu pasti hanya boleh dicapai jika setiap rakyat memperoleh kesaksamaan peroleha ekonomi. Pasti ini hanya boleh dicapai dgn kempimpinan BERSATU yg bersifat amanah dan adil.

(9) Saya menyanan, BERSATU harus kini menumpu memberikan harapan baru kepada rakyat. Kita harus beralih dari kutuk mengutuk kepada gerakan memberikan harapan.

18.  [Log in to Reply faridina](#) Nov 11, 2016 11:18 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

JURUCAKAP NAJIB BLOG CHEDET

Odikarl Dek-Dak

Menurut kamus ciptaannya sendiri,
Akronim berikut membawa pengertian
berikut; (Ulangtayang)

Odikarl – Otak di kepala karldai.

Dek-Dak – Dek kerana dedak.

Jurucapak bernajis sungguh kreatif hingga memakan diri dengan gelaran yang direkaciptanya mudah terpalit diri sendiri.

Rakan taulan kena terima kehadirannya walau menyampah seribu kali dah nama jurucapak najis apa nak buat itu KPI dia.

PERANG UNDI TUN M VS NAJIS

ATAS TALIAN REALTIME

Malam tadi sekitar jam 7 hingga 9 malam satu undian streamyx siaran langsung FB telah diadakan melalui JomStreamyx memilih antara;

Tun M – 590,000 undian

Najib – 20,000 undian

Ulasan jurucapak bernajis di sini Yang Berdedak sdr Odikarl Dek-Dak amat di alu-alukan .

Emm... entahlah tetiba rasa mengantuk pulak mungkin dapat ilham dari sesama otai malam ni pasti boleh tidur lena sebab ada orang kena berjaga malam cari otai-otai nak bersupper cari ilham hihhi..

Wasalam Tun and well done Sir! Congrat.



19. [Log in to Reply](#) **KLZhuang** [Nov 11, 2016 9:13 PM](#)


Salam Tun,

Name calling is just a medium where as human we vent our dislike, anger, etc.. At times, aim at hurting or cursing others in order to feel good. So, Tun, are you offended?

Sometimes, when my wife is driving, other driver purposely drive fast and yet close enough to indicate to her that she should move to the other lane in order to let the other driver pass. She always curse and be angry at those drivers. I told her you cannot control the other driver but you must choose the most comfortable and safe way for you to drive. If you can afford the accident press you break and take the risk of whatever should follow, if that's make you feel good.

So, Tun, you can choose to ignore them instead of joining to 'Name Calling'

Thank you

20.  [Log in to Reply musato](#) [Nov 11,2016 7:15 PM](#)

Assalamualaikum Tun.


Rasa macam malas dah nak menaip kat sini sebab tak seronok baca Karl Iskandar.

Kenapa eh rasa lain macam sikit bila baca Karl Iskandar. Selama ni okey je.

Lebih baik Tun block je. Mungkin bagi politikus macam Tun okey je, tapi bagi pembaca lain, ia mengganggu.

Tengok Sri Sense pun dah lama tak dengar khabar berita.

Terima kasih Tun.

21.  [Log in to Reply amir yusof](#) [Nov 11,2016 7:05 PM](#)

Latnatullah ?

Bangsa Yahudi diantaranya yg bersikap "supremacist" dan bermegah sebagai "pilihan Tuhan" serta beranggapan perjanjian yg dibuat bukan antara sebangsa tak harus dihormati (secara tradisi atau tuntutan agama ?) membuatkan mereka ini tidak boleh dipercayai.

Nasrani (gelaran orang Arab utk penganut Kristian) yg mendukung ideology "white man's burden" kita harus lah berhati-hati keatasnya .

Bgaimana pula Albert Einstein , Nikola Tesla dan ramai lagi yg menyumbang keringat serta bakat di bidang ilmu sains , teknologi , music , ekonomi dan kebudayaan ,hasilnya dimanfaatkan oleh semua .

Bolehah ada janinan ie; duit yg di perolehi atau peralatan keselamatan yg di gunakan tidak dihasilkan atas kepakaran orang Yahudi dan Nasrani .

Kita mempercayai ALLAH adalahn tuhan sekian alam dan agama Islam utk umat manusia tetapi kenapa perlu dikeji secara "borong" hanya kerana mereka ini bangsa Yahudi dan Nasrani .

Ringkas tapi "makan" dalam .

<https://www.youtube.com/watch?v=qF1b6WOnZXA>

22.  [Log in to Reply Aktivis Islam](#) [Nov 11,2016 6:40 PM](#)

Assalamualaikum Tun,

Mmg sifat org melayu mcm tu suka gelar org. Pada sy kereta antik ini amat tinggi nilainya, kalau bg pilihan supercar atau kereta antik dgn pantas jwpm sy kereta antik walau nilai jauh lebih rendah. Nilai sebenar bkn pada tanda harga. Satu ketika dulu sy pnh ada urusan di pejabat Tun, dan terpanchang 1 kereta antik (cadillac kalau tak silap). Sy tanyalah encik2 yg jaga situ perihal kereta tersebut, mereka ckp itu kereta Tun, kdg2 Tun bersiar2 disitu dgn kereta tersebut. Dlm hati sy kata, hebat citarasa PM kita.

Karl sdh2lah, kami tau tugas anda dibayar utk membuat kacau. Tapi jgnlah sampai jd fitnah dan jatuhkan maruah sendiri dgn kejahatan

Jazakallahu khaira.

23.  [Log in to Reply Karl Iskandar](#) Nov 11, 2016 4:27 PM

Perang Mulut

DrM melabel penerima BR1M sebagai pemakan dadak, satu ejekan ciptaan RBA, yg memecah-belah perpaduan rakyat, dan ianya turut menghina golongan berpendapatan rendah.

Bila kalah di Sg Besar dan KKangsar, DrM ulangi mengejek pengundi yg memenangkan Najib dgn panggilan "pemakan dadak". Suatu yg tidak seharusnya diucap oleh seorang negarawan.

TuanKu Sultan Johor pula melabelkan DrM sebagai VIRUS perosak dan punca segala masalah negara dan melarang perhimpunan Bersih di negeri Johor. Pastinya, tuanku terhidu bau kotor yg datang dari program "Bersih" dan tidak berkenan dgn team Baju Kuning.

Label, saya fikir, diharuskan bila ianya memberi gambaran benar dan tepat serta tiada tujuan utk menghasut.

Wallahu'alam.

24.  [Log in to Reply adelheid](#) Nov 11, 2016 4:24 PM

Dear Tun,

Jurucakap Najib only make fools of themselves when they call you names. They only prove how low they stand and how small their brains actually are. Childish almost and idiotic definitely, like their boss who jumped and boasted at the first opportunity when he congratulated the new US President. When Obama won, Obama was his buddy. When Trump won, Trump now is buddy and no stranger to him. If

Clinton had won, what do you think he would have said hehehe (before Bill came or after?)

Memalukan betul MO1 Tun. Jurucakap all are no less. This is the price they pay when they put their heads between their legs.

Take care Tun.

25.  [Log in to Reply](#) **master** Nov 11, 2016 4:19 PM

ASSALAMUALAIKUM WBT, YANG DIMULIAKAN AYAHANDA TUN SERTA KERABAT SEMUANYA. Good Day.

a. Jurucakap2 najib sudah termakan umpan yang telah dihulurkan. Adalah sukar untuk menolaknya kerana jumlahnya bukan sedikit. Jika ketuanya umpama raja, maka jurucakap2 ini lagaknya seperti anak2 raja, putera2 dan puteri2 gitu. We are the law. I'm the ruler.

b. Hakikatnya, mereka juga buntu kerana umpan yang sudah dimakan umpama mati hidup semula pun tidak akan dapat mengumpulkannya apatah lagi tanpa usaha keras ia sudah ada di dalam genggaman. Mereka sudah tidak dapat lari, hanya mulut yang boleh bercakap tetapi tangan dan kaki sudah diikat malah ada yang sudah terbelit di seluruh badan.

c. Mereka sebenarnya sedang membuat satu perangkap yang besar untuk memerangkap musuh yang cuba mensabotaj dan mengganggu mereka walaupun hakikatnya, mereka sendiri yang duduk di dalamnya. Nampaknya benarlah kata orang2 tua dulu, ...jerat tak pernah lupakan pelanduk.

d. Tidak dapat tidak, tugas, amanah dan tanggungjawab mereka adalah melindungi bossnya disamping melakukan tugas harian. Tugasan ini penting kerana jurucakap2 ini juga terbabit sekali bersekongkol (stakeholders) dengan sindiket haram jadah ini. Biar pecah di perut, jangan pecah di mulut. Sesiapa yang cuba mencabar hendaklah dilawan dan ditentang walau dengan apa cara sekalipun. KPI juga telah disediakan oleh PEMANDU. Higher performance, higher the bonus you'll get.

e. Sepatutnya, drama jenayah tak laku "dum & dumber" bajet murah dan tak ada kualiti ini sudah lama dibuang ke tong sampah dan dibakar. Buat rosak akal je.

26.  [Log in to Reply](#) **ismadi** Nov 11, 2016 4:01 PM

As Salam Tun

Redha sahaja lah bahawa Tuhan menguji kepada hamba hambanya yang berjuang untuk menegakkan kebenaran.

Walaupun terasa amat kecewa dan marah terhadap mereka gerombolan Menteri Najib yang menidakkan sumbangan Tun semasa menjadi PM dan juga memperolokkan Tun kerana cubaan mendedahkan pencurian wang terbesar didalam sejarah dunia ini, saya berharap Allah swt melindungi Tun dan akan memberi balasan yang setimpal ke atas mereka yang lupakan kekuasaan Allah swt itu lebih besar.

Saya diperingkat bawah ini akan terus menyumbang agar akar umbi tidak lagi menyokong Najib Razak dan gerombolan penyamun tarbush nya.

Saya fokus supaya pengundi baru dan lama akan mengundi Parti Pribumi Bersatu Malaysia.

Saya mohon dipihak Tun M dan rakan rakan pastikan bahawa pilihanraya akan datang tidak dicemari dengan penipuan.

Sekian. Wassalam.



27. [Log in to Reply](#) **adelheid** Nov 11, 2016 3:52 PM

Dear Tun,

Let them call you by whatever names, we rakyat are not the least moved. Their name calling and labelling of others who don't share their lies, deceit, falsehood, only reveal who they truly are. Their own actions speak for themselves.

We don't need hooligans, thugs to rule and lead the country. Enough with what the thief chief and his thieves have done. We deserve better Tun.

Once we're on this track to recovery we shall never turn back. Jurucakap Najib better start counting their days.

Take good care dear Tun Mahathir.



28. [Log in to Reply](#) **faridina** Nov 11, 2016 3:29 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Pepatah Melayu hari ini perlu ditambah baik sesuai dengan peredaran zaman 'dunia dah terbalik' apabila pengikut patuh menuruti dek-dak pemimpin kleptokrat@penyamun bernajis.

Yang pasti hari ini anjing menyalak bukit akan meruntuhkan bukit jua sebab tuannya sedang menarah bukit itu dengan jentolak lambat laun nescaya tiada berbukit alamatnya.

Biaq pi lah depa nak kata apa, bak kata orang tua dulu2 tak berkudis pun, apa2 pun itu tandanya mereka tertampar setiap kali ayahanda Tun mengeluarkan kenyataan.


Kalau kereta antik yang authentic seperti Tun M memang sangat bernilai tinggi dan menjadi rebutan bukan sahaja dalam negeri malah luar negara.

Takat menteri janggut jarang dua tiga helai bila dah pencen esok hanya layak dapat analogi 'beca antik' yang layak dibontoti warga Kota Bahru sahaja, maaf tiada permintaan dari negeri lain ya wahai Anu_ar.

Wasalam Tun.

p/s – Perhatian buat warga Shah Alam anda semua di jemput hadir pada hari Ahad 13 Nov 2016 ke Bukit Jelutong untuk siri Forum Khas Bersatu Meneroka Masa Depan di Dewan Bukit Jelutong, Jalan Adang, BJ Shah Alam jam 8.30 malam. Moderator Dtk Kadir Jasin – panelis Tun M, TSMY dan Dtk Husam Musa. Lepas acara pi lah makan sup ekor terbaik di Shah Alam terletak di BJ kedai (Jasmine

Tomyam) dah berpindah tapi tiada signboard lagi cari ya dekat dengan MTAJ kami pasti ada di sana.

29.  [Log in to Reply](#) **zulu** [Nov 11,2016 12:08 PM](#)

Those thieves and their family are very frustrated because of their inability to censure their looting jobs, so they are resorting to personal attack on you.
This won't deviate people mind and what they did to the country is proved perfectly. Tun M, no need to care about these thieves who eat human wastes.

30.  [Log in to Reply](#) **mdrose** [Nov 11,2016 11:56 AM](#)

Dia orang ingat dia TAK AKAN jadi kereta antiq suatu hari nanti..kita semua akan jadi antiq jugak bila sampai masa nya. Sapa kata kereta antiq tak laku..lagi mahal tu. Yang penting biar antiq, asalkan otak tidak antiq..

31.  [Log in to Reply](#) **PutraKraken** [Nov 11,2016 11:45 AM](#)

Assalamualaikum Yang diKasihi Tun

Marah memang marah bila orang menghina Tun dengan pelbagai gelaran dan cemuhan...tapi disebaliknya kita tahu diorang tak dak modal...macam budak kecil.

Saya amat tertarik dengan gelaran "Kereta Antik"....itu satu pujian sebenarnya. Kereta antik selalunya amat tinggi nilainya...apatah lagi kereta antik yang "In Perfect Running Condition" dan masih bersaing dalam perlumbaan semasa walaupun menjangkau umur 91 tahun. Kereta antik ini telah berjaya memecah rekod bukan setakat dalam negara tapi juga rekod dunia...mengharumkan nama negara.

Tahniah dan terima kasih "Kereta Antik" kesayangan rakyat Malaysia.

32.  [Log in to Reply](#) **Othaman Ahmad** [Nov 11,2016 11:43 AM](#)

Ke hadrat Ayahanda Tun...

Baru-baru nie kita diberitahu bahawanya ada satu projek membina laluan keretapi di kawasan Pantai Timur yang dinamakan sebagai ECRL.


Yang MENGGEMPAR & MENAKUTKAN sekali macam mana Najib boleh menganugerahkan tender kpd Sykt China Communication Construction Company Ltd yg sah-sah telah disenarai hitamkan (blaclisted) oleh World Bank.

1. Kenapa bukan Khazanah Nasional yang bina laluan keretapi itu? Ini menjadi tanda-tanya kepada umum. Sedangkan prasarana pengangkutan awam selalunya melibatkan Khazanah Nasional. Meminjam dari bank China dan menyerahkan projek membina kepada syarikat China. Rakyat beranggapan Najib mengeneppikan kepentingan syarikat tempatan dan GLC.
2. Kenapa nilainya meningkat kepada 55b berbanding anggaran asal iaitu 30b? Sarawak Report mendakwa bahawa Najib akan menggunakan projek laluan rel berkembar ini untuk membayar hutang2 #1MDB. Projek yang dianggarkan bernilai 30b ini akan meningkat kepada 60b bagi membolehkan Najib 'menarik' wang2 itu untuk membayar hutang.
3. Difahamkan projek ECRL ini tidak mengikuti standard pembinaan kebiasaan. 'Kajian kemungkinan' atau dalam bahasa poplarnya 'Feasibility Studies' tidak dipatuhi secara protokol kebiasaan negara ini. Apabila perkara asas ini juga dilanggar, ini memberikan gambaran bahawanya by hook or by crook kerajaan tetap ingin melaksanakan projek ini tanpa peduli dan faham kepada sentimen-sentimen yang bakal timbul akibat pembinaan laluan keretapi tersebut. Pentingnya kajian ini dijalankan supaya manfaat-manfaat yang dinyatakan oleh kerajaan tentang projek ini benar-benar akan 'hadir' selepas terlaksananya projek ini kelak.
4. Perlu ke buat masa sekarang? Dalam kegawatan ekonomi. Mampu ke kita membayar semula hutang? Tidak boleh ke kita tunggu sedikit masa lagi yang mana ketika itu keadaan ekonomi kita lebih stabil bagi meneruskan projek ini? Ini antara yang menjadi tanda-tanya rakyat.
5. Butiran perjanjian yang tidak dibincangkan kepada umum. Projek ini tidak dibicarakan secara terbuka oleh kerajaan dari segi perjanjian dan ini membuatkan rakyat berspekulasi sesama sendiri. Adalah lebih baik jika kerajaan boleh meluangkan masa dengan menerangkan kepentingan dan isi kandungan projek pembinaan ini kepada umum supaya kita sebagai rakyat jelas dengan susur galur projek ini. Penting kepada kita untuk peduli agar di masa hadapan kelak tidak la kita terikat dengan perjanjian2 bangang yang akan menyeksa poket kita. Ambil contoh seperti perjanjian konsesi tol. Naik ke tak naik ke tetap pembayar cukai perlu keluar wang bayar kepada konsesi tol.
6. Selain dari itu, kita juga mahu tahu butiran kandungan perjanjian berkaitan pinjaman soft loan 55b kepada kerajaan. Bagaimanakah pembayaran balik itu dibuat? Dari segi penjualan tiket kah? Atau apa?
7. Kita juga mahu tahu, bagaimana anggaran kos itu ditentukan? Apakah ada dua, tiga firma berbeza menentukan nilai projek itu benar2 memerlukan kos sebanyak 55b?
8. Kita juga mahu tahu apakah kerajaan akan melayan secara adil dan saksama jika ada mana-mana individu, pihak, kumpulan, penduduk yang mungkin perlu berpindah bagi membina rel keretapi. Adakah mereka akan menerima pampasan seadilnya dan apakah kerajaan bersedia kepada segala kemungkinan2 seperti ini kelak. Sebab itulah kajian kemungkinan itu penting. Supaya kerajaan dapat kenalpasti liabiliti, risiko dan manfaat. Jika ini tidak dikaji dengan cermat, kita akan menghadapi masalah-masalah yang menyebabkan projek ini terganggu sekaligus meningkatkan kos apabila ia semakin lambat dibina.

Atas sebab2 tersebut di atas, saya & rakan2 seperjuangan mohon jasa & kebijaksanaan Ayahanda Tun serta YB2 Pembangkang menghantar memorandum bantahan kpd Kedutaan Republik China memberitahu mereka majoriti rakyat Malaysia tidak mengiktiraf serta tidak menghormati apa2 perjanjian yg dimeterai oleh si Penipu Najib semasa kunjungan me negara mereka baru2 ini.

Sekian, terima kasih & Wassalam.

Najib wajib disingkirkan segera jika kita tidak mahu negara ini terus hancur musnah.

33.  [Log in to Reply](#) **zz** [Nov 11,2016 11:31 AM](#)

Memang benar, sememangnya kini & dari sebelumnya talibarut2 Najib & Najib sendiri memang tiada apa yg boleh diterima cakap mereka.

Cakaplah sebanyak mahu, kami sedar akan jenayah mereka.

Sauh yg kononnya dilabuhkan Najib adalah umpama jenayahnya yg tidak akan membenarkan Najib & kapalnya Terlepas.

34.  [Log in to Reply](#) **Daniel Noor** [Nov 11,2016 11:21 AM](#)

Salam Tun,

Mereka itu yg menelan overdose dedak boleh di ibaratkan sebagai Puppet on a String.

Dan si Najis pula dari dulu ..duluuuuu lagii memang Puppet on the String yg di control oleh Kak Mao Cin Cin.

Tak lama lg si Najis akan di upgrade ke Luon dance oleh China

35.  [Log in to Reply](#) **kalam putih** [Nov 11,2016 10:02 AM](#)

Politik Malaysia 2016 : What's Next

Tidak ada mana-mana parti politik di Malaysia yang dapat menerajui kerajaan persekutuan tanpa perlu bekerjasama atau bergabung dengan parti politik yang lain. Bahkan bukan itu sahaja, kerjasama atau gabungan dalam satu komponen parti politik mesti merangkumi parti yang mewakili daripada berbilang kaum dan agama. Dengan kata lain, untuk menjadi kerajaan yang dapat memerintah Malaysia, kerajaan tersebut mestilah sebuah kerajaan yang dibentuk dengan rupa paras yang menunjukkan kemajmukkan rakyat Malaysia.

http://kalamputihmenuliss.blogspot.my/2016_01_01_archive.html

36.  [Log in to Reply](#) **umranrc** [Nov 11,2016 9:55 AM](#)

Salam Tun,

Jangan ambil hati Tun, saja nak bergurau je...

If this rate goes on, soon you'll earned a place in Guinness Book of World Records as the highest receiver of 'nicknames'.

But, whatever it is, the facts remain, ways needed to be found to eradicate losses of our Nation.

Terima Kasih Tun.

© 2016 — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=2342>